



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## SIARAN MEDIA

### **MAJLIS PERASMIAN SEMARAK@MUZIUM PERAK DAN SESI WALKABOUT KE PAMERAN SUNDANG: SENI DAN KUASA**

---

**TAIPING**, 13 Julai 2024 – Dalam usaha untuk mengangkat dan memartabatkan seni budaya dan warisan sejarah sesuatu bangsa Malaysia, Jabatan Muzium Malaysia melalui Muzium Perak telah mengadakan Majlis Perasmian Semarak@Muzium Perak dan Sesi *Walkabout* ke Pameran Sundang: Seni dan Kuasa. Majlis perasmian program telah disempurnakan oleh YBrs. Encik Mohamad Sobri bin Mat Daud, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara di sini, hari ini.

Program Semarak@Muzium Perak menawarkan pelbagai pengisian berbentuk aktiviti kemasyarakatan bertujuan menyemarakkan program dan aktiviti yang giat berlangsung di muzium serta sebagai satu inisiatif untuk merencanakan kegiatan seni budaya dan pelancongan domestik. Program ini turut diisi dengan Pameran Sundang: Seni dan Kuasa yang berlangsung di Galeri A, Muzium Perak bermula 24 Jun hingga 31 Disember 2024.

Pameran Sundang: Seni dan Kuasa merupakan sebuah pameran yang memberi satu interpretasi baharu terhadap senjata di Alam Melayu. Muzium Perak dengan kerjasama Yayasan Al-Amin menghimpunkan persenjataan jenis sundang yang wujud di Semenanjung Tanah Melayu dan Sulawesi.

Sundang merupakan identiti bangsa Melayu Nusantara yang digunakan sebagai senjata para pahlawan untuk menentang musuh atau berperang. Ia juga diguna pakai untuk kegunaan pelbagai lapisan masyarakat sama ada di istana sebagai alat kebesaran diraja, para pahlawan atau orang biasa. Istimewanya Sundang merupakan senjata berbentuk pedang ciptaan asli orang Melayu tanpa dipengaruhi oleh mana-mana negara.

Pelbagai aktiviti menarik telah dirangka bagi pengisian Semarak@Muzium Perak yang berlangsung selama dua (2) hari seperti Kayuhan Semarak@Muzium, *Meet & Greet* Bersama Ustaz Muhamad bin Abdullah Al-Amin, reruai pameran dan demonstrasi, pertandingan mewarna, persembahan

kebudayaan, pertunjukan seni pertahanan diri dan penampilan istimewa kumpulan SATWO. Pengunjung juga berpeluang untuk menyertai cabutan bertuah yang disediakan oleh penganjur.

**Kementerian Perpaduan Negara**

13 Julai 2024